



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**PERBELANJAAN PRAOPERASI  
PERNIAGAAN**

**KETETAPAN UMUM NO. X/2026**

**TARIKH PENERBITAN: XX XXX 2026**



Diterbitkan oleh  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi Kedua

Edisi Pertama pada 18 November 2013

(Keluaran B Ketetapan Umum No. 2/2010 bertarikh 3 Jun 2010 digantikan dengan penerbitan Edisi Pertama ini)

© 2026 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.

KANDUNGAN	Muka surat
1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	2
4. Praoperasi Dan Prapermulaan Perniagaan	2
5. Pemakaian Perundangan Percukaian	3
6. Perbelanjaan Praoperasi Perniagaan Yang Layak Yang Dilakukan Untuk Usaha Perniagaan Diluluskan Di Luar Malaysia	3
7. Perbelanjaan Pemerbadanan	6
8. Perbelanjaan Atas Latihan Yang Diluluskan	8
9. Perbelanjaan Latihan Prapermulaan Perniagaan	10
10. Perbelanjaan Penubuhan Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) Atau Tabung Amanah Harta (PTF)	11
11. Perbelanjaan Prapermulaan Perniagaan Berhubung Dengan Pengambilan Pekerja	12
12. Perbelanjaan Fi Francais	14
13. Perbelanjaan Pra-Permulaan Berhubung Dengan Pembangunan Integrasi Kilang Penapisan Minyak Dan Petrokimia	17
14. Jadual Pindaan	21
15. Penafian	22

### **KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH**

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis penarikan balik atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

## 1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan potongan yang boleh dibenarkan bagi perbelanjaan tertentu yang dilakukan sebelum permulaan perniagaan.

## 2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

2.1 Peruntukan yang berkaitan dengan KU ini adalah Jadual 4B Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP).

2.2 Perundangan subsidiari berkaitan yang dirujuk dalam KU ini adalah seperti berikut:

- (a) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) 1992 [*P.U.(A) 61/1992*],
- (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) (Pindaan) 1995 [*P.U.(A) 111/1995*],
- (c) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Latihan Sebelum Memulakan Perniagaan) 1996 [*P.U.(A) 160/1996*],
- (d) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Pemerbadanan) 2003 [*P.U.(A) 475/2003*],
- (e) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Pemerbadanan) (Pindaan) 2005 [*P.U.(A) 472/2005*],
- (f) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan bagi Penubuhan Amanah Pelaburan Harta Tanah atau Tabung Amanah Harta) 2006 [*P.U.(A) 135/2006*],
- (g) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Sebelum Memulakan Perniagaan Yang Berhubungan Dengan Pengambilan Pekerja) 2008 [*P.U.(A) 361/2008*],
- (h) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Fi Francais) 2012 [*P.U.(A) 76/2012*]-, dan
- (i) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Belanja Pra-Permulaan Berhubung Dengan Pembangunan Integrasi Kilang Penapisan Minyak Dan Petrokimia) 2013 [*P.U.(A) 43/2013*].

- 
- (j) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Belanja Pra-Permulaan Berhubung Dengan Pembangunan Integrasi Kilang Penapisan Minyak Dan Petrokimia) (Pindaan) 2015 [P.U(A) 183/2015]

### 3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1. “Bermastautin” bermaksud bermastautin di Malaysia bagi tahun asas untuk suatu tahun taksiran (TT) menurut seksyen 7 atau seksyen 8 ACP.
- 3.2. “Orang” termasuk sesuatu syarikat, badan orang, perkongsian liabiliti terhad dan badan korporat.
- 3.3. “Pendapatan larasan”, “pendapatan berkanun”, “pendapatan agregat” dan “jumlah pendapatan” merujuk kepada pendapatan seperti yang ditentukan di bawah Bab 4, 5 dan 6 dalam Bahagian III ACP.

### 4. Praoperasi Dan Prapermulaan Perniagaan

- 4.1. “Praoperasi” adalah seperti ditakrifkan dalam Jadual 4B ACP dan mana-mana rujukan kepada “praoperasi” atau “sebelum permulaan perniagaan” hendaklah ditafsirkan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan di bawah peruntukan itu.
- 4.2. “Prapermulaan perniagaan” adalah seperti ditakrifkan di bawah Kaedah-Kaedah yang berkaitan. Penentuan tarikh permulaan perniagaan memerlukan pertimbangan kesemua keadaan dan fakta bagi setiap kes. Secara am, permulaan perniagaan bermaksud permulaan aktiviti yang dijalankan semasa mengusahakan perniagaan atau aktiviti yang merupakan sebahagian daripada proses penghasilan pendapatan, yang mana berbeza daripada aktiviti persediaan untuk memulakan perniagaan. Tertakluk kepada keadaan dan fakta spesifik setiap kes, contoh berikut boleh dianggap sebagai tanda permulaan perniagaan sekiranya perbuatan atau aktiviti tersebut merupakan sebahagian daripada suatu siri perbuatan atau aktiviti yang dijalankan atau dilakukan secara aktif dalam menjalankan perniagaan:
  - (a) pembelian bahan mentah dalam kes perkilangan, Permulaan perniagaan ditentukan apabila aktiviti yang dijalankan merupakan sebahagian daripada operasi komersial sebenar yang menjana pendapatan, dan bukan aktiviti persediaan.

Pembelian bahan mentah sebelum mesin sedia beroperasi tidak dianggap sebagai permulaan perniagaan kerana tiada proses pengeluaran sebenar berlaku, manakala aktiviti “trial run” juga

tidak menunjukkan permulaan perniagaan sekiranya ia hanya bertujuan menguji kecekapan mesin atau proses tanpa pengeluaran untuk jualan.

Oleh itu, kedua-dua aktiviti tersebut adalah prapermulaan perniagaan kerana tidak melibatkan aktiviti penjanaan pendapatan secara aktif.

- (b) pembelian barang niaga untuk dijual semula dalam kes jualan runcit, atau
- (c) penanaman pertama dalam kes pertanian atau pembelian stok binatang dalam kes penternakan.

Walau bagaimanapun, sebarang rujukan kepada “prapermulaan” atau “sebelum permulaan” perniagaan hanya boleh ditakrifkan sedemikian jika ianya tidak bercanggah dengan syarat yang telah ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah tertentu.

## 5. Pemakaian Perundangan Percukaian

- 5.1 Pada amnya, perbelanjaan praoperasi atau prapermulaan perniagaan yang dilakukan oleh seseorang tidak dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan kerana perbelanjaan itu tidak kesemua dan semata-mata dilakukan dalam menghasilkan pendapatan itu.
- 5.2 Walau bagaimanapun, Jadual 4B ACP dan Kaedah-Kaedah yang disebut dalam perenggan 2.2 di atas membenarkan potongan bagi perbelanjaan tertentu yang dilakukan sebelum permulaan operasi atau perniagaan.
- 5.3 Ketetapan Umum ini memberi garis panduan secara am berkaitan dengan perbelanjaan praoperasi dan prapermulaan perniagaan yang boleh dibenarkan kepada seseorang sebagai potongan daripada -
  - (a) pendapatan kasar dalam pengiraan pendapatan larian perniagaan, atau
  - (b) pendapatan agregat dalam pengiraan jumlah pendapatan.

## 6. Perbelanjaan Praoperasi Perniagaan Yang Layak Yang Dilakukan Untuk Usaha Perniagaan Diluluskan Di Luar Malaysia

- 6.1 Jadual 4B ACP memperuntukkan bahawa, berkuat kuasa mulai TT 1992, beberapa perbelanjaan praoperasi perniagaan berkaitan dengan cadangan membuat pelaburan dalam suatu usaha

perniagaan di luar Malaysia boleh dituntut oleh syarikat jika -

- (a) syarikat bermastautin di Malaysia, dan
- (b) usaha perniagaan telah diluluskan oleh Menteri Kewangan.

6.2 Perbelanjaan praoperasi perniagaan berkaitan dengan usaha perniagaan yang diluluskan yang layak untuk potongan ialah -

- (a) perbelanjaan yang berkait secara langsung dengan kajian kebolehlaksanaan,
- (b) perbelanjaan yang berkait secara langsung dengan penyelidikan atau tinjauan pasaran atau mendapatkan maklumat pasaran,
- (c) perbelanjaan tambang perjalanan ke negara di luar Malaysia oleh wakil syarikat untuk tujuan menjalankan kajian kebolehlaksanaan atau tinjauan pasaran, dan
- (d) perbelanjaan sebenar tidak melebihi RM400 sehari untuk penginapan dan makanan bagi tempoh yang bermula dari tarikh wakil syarikat bertolak dari Malaysia dan berakhir pada tarikh beliau pulang ke Malaysia.

Perbelanjaan seperti di perenggan 7.2(a) dan 7.2(b) di atas termasuk kos konsultan untuk menjalankan kajian kebolehlaksanaan, penyelidikan pasaran atau tinjauan pasaran.

### Contoh 1

Ansel Sdn Bhd, sebuah syarikat bermastautin di Malaysia mengeluarkan peralatan elektrik untuk keperluan isi rumah. Syarikat bercadang membina sebuah kilang di China. Sebelum usaha ini dimulakan, syarikat menghantar pengarah pemasaran ke China untuk menjalankan tinjauan. Perbelanjaan berikut dilakukan:

Butiran Perbelanjaan		Amaun (RM)	
Penyelidikan pasaran oleh konsultan China			5,000
Perjalanan dan perbelanjaan lain:			
Tambang kapal terbang		3,000	
Hotel	RM200 x 10 hari	2,000	
Elaun makan	RM100 x 10 hari	1,000	6,000
Jumlah			11,000

Meskipun perbelanjaan tersebut tidak melebihi had yang ditetapkan, potongan tidak boleh dibenarkan di bawah Jadual 4B ACP melainkan jika usaha perniagaan itu telah diluluskan oleh Menteri Kewangan.

6.3 Perbelanjaan praoperasi perniagaan yang layak hendaklah dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan agregat tertentu dalam pengiraan jumlah pendapatan. Agregat tertentu bermaksud pendapatan agregat setelah dikurangkan dengan –

- (e) amaun kerugian larasan perniagaan bagi tempoh asas untuk TT berkenaan di bawah subseksyen 44(2) ACP, dan
- (f) amaun perbelanjaan ke atas pengendalian mencarigali, jika ada, di bawah Jadual 4 ACP.

Perbelanjaan praoperasi perniagaan yang layak yang tidak dapat diserap boleh dihantar hadapan ke tahun-tahun taksiran berikutnya sehingga kesemua amaun diberi potongan.

#### Contoh 2

Fakta adalah sama seperti di Contoh 1 dan usaha perniagaan tersebut telah diluluskan oleh Menteri Kewangan. Kedudukan syarikat dalam TT 2024 adalah seperti berikut:

Butiran		
Kerugian larasan Perniagaan 1	(Jualan Runcit)	
Pendapatan berkanun Perniagaan 2	(Peralatan Elektrik)	
Kerugian perniagaan dibawa hadapan (b/h)		(6,000)
Perbelanjaan praoperasi perniagaan yang layak		

#### Pengiraan Cukai

Pendapatan berkanun Perniagaan 1	Tiada
Pendapatan berkanun Perniagaan 2	<u>20,000</u>
Agregat pendapatan berkanun daripada perniagaan	20,000
Tolak: Kerugian perniagaan b/h	(6,000)
Pendapatan agregat	14,000
Tolak: Kerugian larasan perniagaan tahun semasa	(5,000)
Agregat tertentu	9,000

Tolak: Perbelanjaan praoperasi perniagaan yang layak (dihadkan) 9,000

Jumlah pendapatan / Pendapatan bercukai Tiada

Perbelanjaan praoperasi perniagaan yang tidak dapat diserap dihantar hadapan = (2,000)

## 7.0 Perbelanjaan Pemerbadanan

7.1 Kaedah-Kaedah yang berhubung dengan potongan perbelanjaan pemerbadanan adalah –

- (a) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Pemerbadanan) 2003 [P.U.(A) 475/2003], dan
- (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Pemerbadanan) (Pindaan) 2005 [P.U.(A) 472/2005].

7.2 Mulai TT 2004, bagi tujuan menentukan pendapatan larasan perniagaan untuk tempoh asas bagi suatu TT syarikat yang ditubuhkan di Malaysia pada atau selepas 13.9.2003 dan mempunyai modal dibenarkan tidak melebihi RM2,500,000, perbelanjaan pemerbadanan boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan, iaitu:

- (a) kos penyediaan dan pencetakan memorandum, tatauuran pertubuhan dan prospektus, pengedaran dan pengiklanan prospektus,
- (b) kos pendaftaran syarikat dan dokumen berkanun, berserta yuran dan duti setem kena dibayar ke atasnya,
- (c) kos penyediaan kontrak permulaan dan duti setem kena dibayar ke atasnya,
- (d) kos pencetakan debentur dan duti setem (jika ada) kena dibayar ke atasnya dan sijil syer dan surat perumpukan,
- (e) kos meterai syarikat, dan
- (f) komisen penaja jamin.

7.3 Perbelanjaan pemerbadanan yang dilakukan oleh syarikat hendaklah dianggap dilakukan dalam tempoh asas bagi TT syarikat tersebut memulakan perniagaan.

7.4 Potongan tersebut hendaklah dibenarkan dalam mengira cukai bagi TT seperti dinyatakan dalam perenggan 7.3 di atas jika perbelanjaan tersebut telah dipermodalkan dalam lembaranimbangan syarikat.

Bagi perbelanjaan pemerbadanan yang telah dicajkan dalam akaun untung dan rugi syarikat, pelarasan hendaklah dibuat dalam mengira cukai jika terdapat perbelanjaan selain daripada perbelanjaan dinyatakan dalam perenggan 7.2 di atas.

### Contoh 3

Biz Sdn Bhd diperbadankan di Malaysia pada 11.2.2024 dengan modal dibenarkan sebanyak RM2,000,000. Syarikat memulakan perniagaan runcit menjual alat logam pada 1.5. 2024 dan menutup akaun pada 30.4.2025. Perbelanjaan pemerbadanan berikut dipermodalkan dalam lembaran imbangan pertama pada 30.4. 2025:

Butiran Perbelanjaan	Amaun (RM)
Penyediaan dan pencetakan memorandum dan tataurusan pertubuhan	1,000
Pendaftaran syarikat (termasuk duti setem)	3,500
Meterai syarikat	200
Jumlah	4,700

Perbelanjaan pemerbadanan berjumlah RM4,700 boleh dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar perniagaan syarikat bagi tempoh asas 1.5.2024 hingga 30.4.2025.

### Contoh 4

Camin Sdn Bhd diperbadankan di Malaysia pada 1.3. 2024 dengan modal dibenarkan sebanyak RM3,000,000 dan modal berbayar sebanyak RM2,000,000. Perbelanjaan pemerbadanan (sama seperti di Contoh 3 di atas) berjumlah RM4,700.

Perbelanjaan pemerbadanan tidak boleh dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar syarikat oleh kerana modal yang dibenarkan melebihi RM2,500,000.

### Contoh 5

Manikam memulakan perniagaan catering sebagai pemilik tunggal pada 10.3.2024. Memandangkan perniagaan tersebut semakin maju, beliau merancang memperbesarkan perniagaan dan membuat keputusan untuk memperbadankan sebuah syarikat sendirian berhad bagi mengambil alih perniagaan catering tersebut. Dengan demikian,

Moneycome Sdn Bhd telah diperbadankan pada 1.8.2024 dengan modal dibenarkan sebanyak RM1,000,000 dan modal berbayar RM500,000.

Manikam menguruskan perniagaan dan rekod perniagaan di bawah Moneycome Sdn Bhd mulai 1.8.2024. Oleh itu, tarikh permulaan syarikat ialah 1.8. 20122024. Perbelanjaan pemerbadanan yang dituntut oleh syarikat bagi tempoh asas 1.8. 2024 hingga 31.7.2025 adalah seperti berikut:

Butiran Perbelanjaan	Amaun (RM)
Penyediaan dan pencetakan memorandum dan tatauuran pertubuhan	1,000
Kos pendaftaran syarikat	2,500
Fi setiausaha syarikat	400
Cukai perkhidmatan (RM400@ 5%)	20
Perjalanan (pembayaran balik)	100
Pelbagai (fotostat dan sebagainya)	50
Jumlah	4,070

Hanya perbelanjaan penyediaan, pencetakan memorandum dan tatauuran pertubuhan dan kos pendaftaran syarikat berjumlah RM3,500 layak dibenarkan potongan.

Catatan: Layanan cukai yang sama terpakai jika sesuatu perkongsian ditukarkan kepada sebuah syarikat sendirian berhad.

## 8.0 Perbelanjaan Atas Latihan Yang Diluluskan

8.1 Kaedah-Kaedah yang berhubung dengan potongan bagi perbelanjaan ke atas latihan yang diluluskan adalah seperti berikut:

- (a) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) 1992 [P.U.(A) 61/1992], dan
- (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) (Pindaan) 1995 [P.U.(A) 111/1995].

8.2 Berkuat kuasa mulai TT 1992, syarikat perkilangan boleh dibenarkan potongan dua kali atas amaun perbelanjaan yang dilakukan untuk latihan diluluskan dalam mengira pendapatan larasan bagi TT

---

pertama kali pendapatan kasar diperoleh.

- 8.3 Insentif potongan dua kali diberi jika syarikat perkilangan memenuhi syarat-syarat berikut:
- (a) syarikat telah melakukan perbelanjaan berkenaan dalam tempoh sebelum perniagaan dimulakan,
  - (b) perbelanjaan berkenaan adalah untuk melatih pekerjaannya memperolehi kemahiran pertukangan, penyeliaan atau teknikal yang akan menyumbang secara langsung kepada hasil pengeluarannya pada masa hadapan,
  - (c) latihan berkenaan disediakan di bawah program latihan yang diluluskan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) atau program latihan yang dijalankan oleh institusi latihan diluluskan oleh Menteri Kewangan, dan
  - (d) pekerja berkenaan adalah warganegara Malaysia.
- 8.4 Perbelanjaan layak untuk potongan adalah dua kali atas amaun yang dibayar oleh syarikat kepada institusi latihan untuk program latihan. Tuntutan hendaklah disokong dengan surat kelulusan daripada MIDA atau surat daripada institusi latihan diluluskan yang mengesahkan tentang butiran program latihan (termasuk amaun yang dibayar) dan pekerja syarikat telah menghadiri program latihan.
- 8.5 Potongan dua kali di bawah P.U.(A) 61/1992 dan P.U.(A) 111/1995 hanya diberikan ke atas perbelanjaan latihan yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah kaedah-kaedah tersebut. Sebaliknya, perbelanjaan latihan yang dilakukan oleh syarikat perkilangan selepas perniagaan dimulakan merupakan perbelanjaan hasil yang layak dituntut sebagai potongan tunggal dalam menentukan pendapatan larasan, tertakluk kepada peruntukan yang berkaitan di bawah ACP.

#### Contoh 6

Densers Sdn Bhd diperbadankan pada 1.8.2023 dengan tujuan untuk mengeluarkan kondenser bagi alat penyaman udara kereta. Sebelum pengeluaran dimulakan, syarikat telah mengambil 30 orang pekerja yang kesemuanya warganegara Malaysia. 20 orang pekerja dihantar untuk menjalani latihan berkaitan pemakaian mesin di Institut Kemahiran MARA (IKM), sebuah institusi latihan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Manakala 10 orang pekerja lagi dihantar untuk mempelajari pemakaian mesin dan pemasangan kondenser di kilang syarikat bersekutunya di Jepun. Perbelanjaan latihan yang dilakukan adalah seperti berikut:

Butiran Perbelanjaan	Di Malaysia (RM)	Di Japan (RM)
Elaun perjalanan (dibayar kepada rekrut)	4,000	-
Yuran kursus (termasuk makanan dan penginapan)	40,000	-
Makanan dan penginapan		50,000
Tambang kapal terbang		25,000
Jumlah	44,000	75,000

Surat daripada IKM dikemukakan bagi mengesahkan amaun dibayar oleh syarikat untuk program latihan tersebut iaitu RM40,000 dan pekerja syarikat telah menghadirinya. Syarikat memulakan pengeluaran pada 1.1.2024 dan akaun pertama disediakan bagi tempoh 1.8. 2021 hingga 31.12. 2024.

Syarikat boleh dibenarkan potongan sebanyak RM80,000, iaitu dua kali atas amaun RM40,000 yang dilakukan untuk program latihan di Malaysia dalam menentukan pendapatan larasan bagi tempoh asas 1.1.2024 hingga 31.12. 2024. Elaun perjalanan RM4,000 tidak boleh dibenarkan kerana hanya amaun yang dibayar kepada institusi latihan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan sahaja layak untuk potongan.

Perbelanjaan latihan di negara Jepun tidak boleh dibenarkan di bawah Kaedah-Kaedah ini kerana syarikat bersekutu tersebut bukan institusi latihan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

- 8.6 Mulai 1.7.1993, syarikat yang menyumbang kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia (TPSM) tidak layak untuk potongan di bawah Kaedah-Kaedah yang dinyatakan. TPSM adalah tabung yang ditubuhkan bertujuan menggalakkan penyertaan langsung sektor swasta dalam pembangunan kemahiran. Syarikat dalam sektor tertentu dikehendaki membayar levi kepada TPSM pada kadar yang telah ditetapkan. Syarikat yang telah membuat sumbangan levi layak mendapat geran latihan daripada TPSM untuk membiayai perbelanjaan latihan bagi meningkatkan kemahiran pekerjaanya.

## 9.0 Perbelanjaan Latihan Prapermulaan Perniagaan

- 9.1 Kaedah-Kaedah yang berhubung dengan potongan bagi perbelanjaan di atas adalah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Latihan Sebelum Memulakan Perniagaan) 1996 [P.U.

---

(A) 160/1996].

9.2 Mulai TT 1996, syarikat yang menyediakan latihan untuk pekerjaanya sebelum memulakan perniagaan boleh dibenarkan potongan ke atas kesemua perbelanjaan latihan (sekali) dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan jika -

- (g) latihan tersebut adalah untuk memberi kemahiran asas supaya syarikat dapat memulakan perniagaan,
- (h) perbelanjaan latihan dilakukan dalam tempoh setahun sebelum perniagaan dimulakan, dan
- (i) perbelanjaan latihan tersebut adalah jenis yang boleh dibenarkan di bawah seksyen 33 ACP.

#### **Contoh 7**

Fakta adalah sama seperti di Contoh 6. Perbelanjaan yang dilakukan untuk latihan pekerja di Jepun sebelum perniagaan dimulakan sebanyak RM75,000 boleh dibenarkan potongan di bawah Kaedah-Kaedah yang dinyatakan dalam menentukan pendapatan larasan syarikat bagi tempoh asas 1.1.2024 hingga 31.12. 2024.

9.3 Syarikat tidak layak menuntut potongan di bawah Kaedah-Kaedah tersebut jika -

- (a) syarikat menerima geran latihan daripada Kerajaan, atau
- (b) syarikat menuntut potongan dua kali untuk perbelanjaan latihan di bawah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) 1992 dan Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Latihan Yang Diluluskan) (Pindaan) 1995.

### **10. Perbelanjaan Penubuhan Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) Atau Tabung Amanah Harta (PTF)**

10.1 Kaedah-Kaedah yang berhubung dengan potongan bagi perbelanjaan di atas adalah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Bagi Penubuhan Amanah Pelaburan Harta Tanah Atau Tabung Amanah Harta) 2006 [P.U. (A) 135/2006].

10.2 REIT atau PTF adalah unit amanah yang diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC).

10.3 Berkuat kuasa mulai TT 2006, REIT atau PTF yang melakukan perbelanjaan penubuhan layak menuntut potongan daripada pendapatan kasar dalam menentukan pendapatan larasan

---

perniagaan bagi tempoh asas untuk suatu TT.

- 10.4 Perbelanjaan penubuhan yang layak dibenarkan potongan adalah fi guaman, penilaian dan perundingan bagi maksud penubuhan unit amanah sebelum mendapat kelulusan daripada SC. Perbelanjaan yang dilakukan oleh unit amanah dianggap dilakukan dalam tempoh asas bagi TT di mana unit amanah memulakan perniagaan.

### Contoh 8

Amanah Pelaburan Harta Tanah Excel (Excel REIT) ditubuhkan pada 1.12.2022 dan diluluskan oleh SC pada 15.12.2022. Jumlah perbelanjaan penubuhan bagi fi guaman, penilaian dan perundingan yang dilakukan sebelum kelulusan oleh SC adalah sebanyak RM800,000. Mengikut perjanjian bertarikh 1.1.2023, Excel REIT memperoleh harta tanah komersial bersama dengan penyewaan, pajakan dan lesen daripada syarikat-syarikat kumpulan Excel Berhad. Pada 1.2.2023 Excel REIT mempelawa langganan daripada orang awam dan ia disenaraikan dalam Bursa Malaysia pada 1.3. 2023. Akaun pertamanya ditutup pada 31.12. 2023.

Perbelanjaan penubuhan sebanyak RM800,000 bagi fi guaman, penilaian dan perundingan boleh ditolak daripada pendapatan kasar Excel REIT bagi TT 2023. Ia disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas bagi TT 2023 di mana perniagaan bermula.

Nota:

Tarikh permulaan perniagaan REIT adalah tarikh harta tanah REIT sedia untuk disewakan. Dalam kes ini, memandangkan Excel REIT memperoleh harta tanah bersama penyewaan pada 1.1. 2023, harta tanah tersebut sedia untuk disewakan pada 1.1.2023 dan disewakan pada tarikh yang sama oleh Excel REIT. Maka perniagaan Excel REIT bermula pada 1.1.2023.

## 11. Perbelanjaan Prapermulaan Perniagaan Berhubung Dengan Pengambilan Pekerja

- 11.1 Kaedah-Kaedah yang berhubung dengan perbelanjaan di atas adalah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Sebelum Memulakan Perniagaan Yang Berhubungan Dengan Pengambilan Pekerja) 2008 [P.U. (A) 361/2008].
- 11.2 Berkuat kuasa mulai TT 2009, seorang pemastautin di Malaysia yang melakukan perbelanjaan untuk mengambil pekerja sebelum memulakan perniagaan layak dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar dalam menentukan pendapatan laran perniagaan.

- 
- 11.3 Perbelanjaan yang boleh dibenarkan adalah –
- (a) perbelanjaan pengambilan pekerja bagi membolehkan orang itu memulakan perniagaan,
  - (b) perbelanjaan bagi jenis yang dibenarkan di bawah seksyen 33 ACP berhubung dengan pengambilan pekerja, dan
  - (c) perbelanjaan yang dilakukan dalam tempoh satu (1) tahun sebelum perniagaan bermula.
- 11.4 Perbelanjaan pengambilan pekerja yang layak termasuk perbelanjaan yang dilakukan untuk menyertai pameran pekerjaan, bayaran kepada agensi pekerjaan dan *head-hunters*.
- 11.5 Perbelanjaan dilakukan adalah dianggap dilakukan pada tarikh perniagaan bermula.

#### Contoh 9

Farid adalah seorang pakar dalam teknologi maklumat (IT) dan bidang pemasaran produk pengguna. Setelah bekerja beberapa tahun di sebuah syarikat multinasional, beliau memutuskan untuk menubuhkan perniagaan sendiri dengan menjual produk kesihatan melalui internet. Farid mendaftar sebuah perniagaan pemilik tunggal pada 3.6.2024. Beliau membayar yuran agensi sebanyak RM5,000 kepada sebuah agensi pekerjaan untuk mengambil dua orang graduan IT dan seorang kerani akaun sebelum memulakan perniagaan pada 1.1.2025.

Yuran agensi sebanyak RM5,000 yang dibayar kepada agensi pekerjaan boleh dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar untuk TT 2025.

#### Contoh 10

Sebuah syarikat Swiss berniat membina sebuah kilang untuk pengeluaran produk farmaseutikal di Malaysia. Sebuah anak syarikat, Genpharma Sdn Bhd (Genpharma) diperbadankan pada 1.6.2023. Genpharma mengiklankan dalam beberapa akhbar tempatan jawatan kosong yang ada di syarikat. Syarikat mendapatkan perkhidmatan sebuah agensi pekerjaan untuk mengambil seratus pekerja asing untuk bahagian pengeluarannya. Genpharma juga memohon perkhidmatan sebuah syarikat head-hunter untuk mengambil seorang yang sesuai sebagai Ketua Pegawai Operasi. Genpharma memulakan operasi pada 1.3. 2024 dan menutup akaun pada 31.12. 2024.

Semua perbelanjaan yang dilakukan oleh Genpharma untuk pengambilan pekerja sebelum 1.3.2024 dianggap dilakukan pada tarikh syarikat memulakan perniagaan dan boleh dibenarkan

---

potongan daripada pendapatan kasar untuk TT 2024.

### Contoh 11

Fakta adalah sama seperti di Contoh 10 dan Ketua Pegawai Operasi memulakan tugasnya pada 1.2. 2024. Genpharma Sdn Bhd membayar gaji sebanyak RM20,000, caruman majikan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebanyak RM2,400 dan pelbagai perbelanjaan pentadbiran sebanyak RM6,000 bagi bulan Februari 2024.

Perbelanjaan berjumlah RM28,400 adalah jenis yang dibenarkan di bawah seksyen 33 ACP dan dilakukan sebelum permulaan perniagaan, tetapi ia bukan sebahagian daripada perbelanjaan pengambilan pekerja. Oleh itu, perbelanjaan tersebut tidak dibenarkan potongan daripada pendapatan kasar untuk TT 2024 di bawah Kaedah-Kaedah yang dinyatakan.

### Contoh 12

Electrotherm Sdn Bhd (Electrotherm) telah diperbadankan pada 1.2. 2024. Syarikat melantik seorang jurutera yang sangat berpengalaman yang mana kontrak perkhidmatannya dengan syarikat lain masih berkuat kuasa. Syarikat lain bersetuju untuk penamatan awal kontrak tetapi menuntut pampasan sebanyak RM20,000 daripada jurutera seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Pampasan tersebut telah dibayar oleh Electrotherm pada 1.4. 2024. Electrotherm memulakan perniagaan pada 1.5.2024 dan menutup akaun pada 31.12.2024.

Pampasan yang dibayar sebanyak RM20,000 bukan jenis perbelanjaan yang boleh dibenarkan di bawah seksyen 33 ACP. Oleh itu, ia tidak boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar Electrotherm untuk TT 2024 di bawah Kaedah-Kaedah yang dinyatakan.

## 12. Perbelanjaan Fi Francais

12.1 “Francais” merujuk kepada kontrak atau perjanjian antara dua orang atau lebih di mana pemberi francais memberi kepada pemegang francais hak untuk mengendalikan perniagaan mengikut sistem francais yang ditentukan dan selama tempoh yang ditentukan oleh pemberi francais. Sebagai balasan kepada pemberian hak-hak tersebut, pemegang francais dikehendaki membayar fi francais atau bentuk balasan yang lain.

Fi francais adalah perbelanjaan sekaligus yang perlu dibayar oleh pemegang francais kepada pemberi francais sebelum pemegang francais memulakan perniagaannya. Fi francais dibayar bagi mendapatkan hak untuk menggunakan cap, rahsia dagangan, maklumat sulit, harta intelektual atau sistem francais yang dimiliki oleh pemberi francais

---

mengikut terma suatu perjanjian francais. Bayaran tersebut tidak termasuk bayaran royalti atau bayaran berkala yang lain. Ia boleh dibayar secara sekaligus atau ansuran.

12.2 Kaedah-Kaedah yang berhubung dengan potongan perbelanjaan fi francais adalah Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Perbelanjaan Fi Francais) 2012 [P.U. (A) 76/2012].

12.3 Kaedah-Kaedah tersebut telah diperkenalkan mulai TT 2012 untuk terus menyokong pembangunan industri francais tempatan.

Kaedah-Kaedah tersebut menetapkan bahawa, bagi maksud menentukan pendapatan larasan orang yang bermastautin di Malaysia daripada perniagaan francaisnya bagi tempoh asas bagi suatu TT, suatu potongan hendaklah dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas fi francais yang dibayar kepada pemberi francais sebelum permulaan perniagaan francaisnya. Perniagaan francais tersebut perlu menggunakan jenama francais tempatan dan fi francais tersebut tidak boleh dituntut balik.

Jenama francais tempatan ertinya suatu cap dagangan atau cap perkhidmatan yang didaftarkan di bawah Akta Cap Dagangan 1976 oleh pemberi francais yang telah mendaftarkan perniagaan francaisnya dengan Pendaftar Francais di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Jenama tersebut perlu dibangunkan dan berasal daripada Malaysia (jenama Malaysia).

Pemberi francais dikehendaki memiliki sepenuhnya jenama francais tempatan tersebut. Di mana pemberi francais adalah sesuatu syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, sekurang-kurangnya 70% modal saham terbitan syarikat tersebut dimiliki oleh warganegara Malaysia.

12.4 Perbelanjaan yang dilakukan bagi fi francais hendaklah disifatkan dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu TT yang mana perniagaan francais bermula.

### Contoh 13

Jatifah Sdn Bhd, sebuah syarikat pemastautin di Malaysia, telah diberikan hak untuk menjalankan perniagaan francais dengan menggunakan jenama makanan segera yang dinamakan "ENAK". Enak Sdn Bhd, sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 di Malaysia, telah mendaftarkan "ENAK" di bawah Akta Cap Dagangan 1976 dengan Pendaftar Cap Dagangan di KPDNKK. Enak Sdn Bhd juga telah mendaftarkan perniagaan makanan segeranya sebagai suatu francais dengan Pendaftar Francais di KPDNKK. 100% modal saham terbitan Enak Sdn Bhd dimiliki oleh warganegara Malaysia.

Di bawah perjanjian francais bertarikh 1.1.2023, Enak Sdn Bhd memberikan hak kepada Jatifah Sdn Bhd untuk menjalankan perniagaan

francais selama 10 tahun sebagai balasan kepada fi francais sebanyak RM80,000 dan royalti yang dikira berasaskan 3% jualan kasar bulanan serta bayaran lain. Pada 1.2. 2011 2023, Jatifah Sdn Bhd membayar fi francais di mana fi francais tersebut tidak boleh dituntut balik. Syarikat memulakan operasi perniagaan francais pada 1.7. 2023 dan menutup akaun perniagaan yang pertama pada 30.6. 2024.

Fi francais berjumlah RM80,000 yang dilakukan dan dibayar oleh Jatifah Sdn Bhd sebelum permulaan perniagaan boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasar perniagaan francais bagi TT 2024. Fi francais tersebut disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas bagi TT 2024 di mana perniagaan francais tersebut bermula.

Nota: Jika fi francais dibayar secara empat (4) ansuran yang sama rata pada 1.2. 2023, 1.8. 2023, 1.2. 2024 dan 1.8. 2024, kesemua amaun fi francais sebanyak RM80,000 masih boleh dibenarkan dan disifatkan dilakukan dalam tempoh asas bagi TT 2024.

#### Contoh 14

Fakta adalah sama seperti di Contoh 14, kecuali Enak Sdn Bhd tidak dimiliki sepenuhnya oleh warganegara Malaysia berhubung dengan modal saham terbitan. Seperti disahkan oleh Setiausaha Syarikat, kedudukan pegangan saham syarikat semasa perjanjian francais ditandatangani pada 1.1. 2023 adalah seperti berikut -

- (a) 60% saham terbitan Enak Sdn Bhd dimiliki oleh Bluebells Sdn Bhd manakala baki 40% dimiliki oleh warganegara Malaysia, dan
- (b) 70% saham terbitan Bluebells Sdn Bhd dimiliki oleh bukan warganegara Malaysia dan baki 30% dimiliki oleh warganegara Malaysia.

Dalam kes ini, hanya 58% [ 40% + ( 60 x 30% ) ] modal saham terbitan Enak Sdn Bhd dimiliki oleh warganegara Malaysia. Memandangkan kurang daripada 70% modal saham terbitan Enak Sdn Bhd dimiliki oleh warganegara Malaysia, maka fi francais berjumlah RM80,000 tersebut tidak boleh ditolak daripada pendapatan kasar perniagaan francais Jatifah Sdn Bhd.

- 12.5 Di mana cap dagangan atau cap perkhidmatan yang dimiliki oleh seseorang asing digunakan dalam sesuatu francais, Kaedah-Kaedah tersebut tidak akan digunapakai.

#### Contoh 15

“TORO” pizza merupakan jenama terkenal yang dimiliki oleh Toro Inc, sebuah syarikat diperbadankan di Itali. Toro Inc memperluaskan perniagaannya ke Malaysia dan mendaftarkan “TORO” dengan Pendaftar

Cap Dagangan. Pendaftar Francais meluluskan permohonan Toro Inc untuk menjual hak francaisnya di Malaysia. Melalui broker francais berdaftar, Toro Inc memberi hak francais kepada Malanim Sdn Bhd untuk balasan fi francais, royalti dan bayaran berkala yang lain.

Malanim Sdn Bhd, sebuah syarikat pemastautin di Malaysia, menjadi pemegang francais induk berhubung dengan "TORO" di Malaysia. Syarikat mendaftarkan francais tersebut dengan Pendaftar Francais dan membayar fi francais yang tidak boleh dituntut balik sebanyak RM120,000 pada 1.3.2024 sebelum memulakan perniagaan francaisnya pada 1.4.2024. Set pertama akaunnya dibuat mulai tarikh perbadanan iaitu 1.1.2024 hingga 31.12.2024.

Dalam kes ini, Toro Inc merupakan pemberi francais asing manakala Malanim Sdn Bhd adalah pemegang francais di Malaysia. "TORO" bukan "jenama francais tempatan" berhubung dengan perniagaan Malanim Sdn Bhd. Oleh itu fi francais sebanyak RM120,000 yang dibayar oleh Malanim Sdn Bhd tidak boleh dibenarkan sebagai potongan daripada pendapatan kasarnya bagi TT 2024.

#### Contoh 16

Fakta adalah sama seperti di Contoh 15. Malanim Sdn Bhd kemudiannya berdaftar sebagai pemegang francais induk dengan Pendaftar Francais. Syarikat memberikan hak francais menggunakan TORO kepada seorang pemegang subfrancais yang bernama Hamishah di Malaysia untuk balasan fi francais sebanyak RM60,000 dan bayaran lain mengikut syarat perjanjian francais. Hamishah, seorang usahawan di Malaysia, membayar fi francais tersebut sebelum perniagaannya dimulakan.

Dalam kes ini, walaupun Malanim Sdn Bhd adalah pemegang francais tempatan, jenama "TORO" masih tidak boleh dianggap sebagai jenama francais tempatan berhubung dengan perniagaan Hamishah. Oleh itu, fi francais sebanyak RM60,000 yang dibayar oleh Hamishah bukan perbelanjaan yang boleh dibenarkan dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan francaisnya.

### 13. Perbelanjaan Pra-Permulaan Berhubung Dengan Pembangunan Integrasi Kilang Penapisan Minyak Dan Petrokimia

13.1 Kaedah-Kaedah yang berhubung dengan perbelanjaan di atas adalah

- (a) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Belanja Pra-Permulaan Berhubung Dengan Pembangunan Integrasi Kilang Penapisan Minyak Dan Petrokimia) 2013 [*P.U.(A) 43/2013*].
- (b) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Bagi Belanja Pra-Permulaan Berhubung Dengan Pembangunan Integrasi Kilang

- 
- Penapisan Minyak Dan Petrokimia) (Pindaan) 2015 [P.U.(A) 183/2015].
- 13.2 Berkuat kuasa mulai TT 2010, orang yang layak dan menjalankan aktiviti yang layak dalam Kompleks RAPID hendaklah dibenarkan potongan bagi perbelanjaan pra-permulaan berkaitan pembangunan integrasi kilang penapisan minyak dan petrokimia dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan.
- 13.3 Orang yang layak bagi maksud Kaedah-kaedah di atas adalah seperti berikut:
- (a) Petroliaam Nasional Berhad;
  - (b) mana-mana syarikat lain yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 [Akta 125] yang Petroliaam Nasional Berhad memegang sekurang-kurangnya 51 peratus modal berbayar dalam saham biasa; atau
  - (c) mana-mana syarikat lain yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menjalankan aktiviti yang layak dalam Kompleks RAPID yang Petroliaam Nasional Berhad memegang, sama ada secara langsung atau tidak langsung, saham biasa di dalam syarikat itu.
- 13.4 Aktiviti yang layak bagi potongan perbelanjaan ini adalah seperti berikut:
- (a) pengadunan, pemprosesan atau pemecahan minyak mentah, kondensat, suapan atau suapan pertengahan;
  - (b) pengeluaran, pembuatan atau pembangunan keluaran petroleum, petrokimia, kimia, produk pertengahan, terakhir atau pengeluaran berkaitannya;
  - (c) penyimpanan, perumusan, pengadunan, pengagihan atau pemasaran petroleum, petrokimia, kimia, produk pertengahan, terakhir atau pengeluaran berkaitannya;
  - (d) pengegasan semula LNG kepada gas dan pengagihannya relevan; atau
  - (e) penjanaan, pengagihan atau jualan semua bentuk utiliti termasuk tetapi tidak terhad kepada elektrik, air, wap, gas, hidrogen, udara atau pengolahan bahan buangan;
- 13.5 Kompleks RAPID adalah merujuk kepada suatu kompleks yang mengandungi loji pemecahan cecair, loji penapisan, loji petrokimia atau pengeluaran kimia dan semua kemudahan sokongan dan

tambahan termasuk tetapi tidak terhad kepada cecair gas asli (LNG), Terminal Penerimaan dan Pengegasan Semula (RGT), loji berkuasa COGEN, kemudahan penyimpanan atau kemudahan pengolahan bahan buangan, dan terletak di Pengerang, Johor;

- 13.6 Perbelanjaan yang layak sebagai potongan bagi perbelanjaan pra-permulaan berhubung dengan pembangunan integrasi kilang penapisan minyak dan petrokimia adalah seperti butiran jadual di bawah:

<b>Kategori Perbelanjaan</b>	<b>Butiran Perbelanjaan</b>
Kos sumber manusia	i. Emolumen pekerja dan perekrutan pekerja termasuk yuran yang dibayar kepada agensi perekrutan
Kos perjalanan	i. Penginapan ii. Tambang penerbangan iii. Elaun makan iv. Tuntutan perjalanan
Pajakan dan sewa	i. Pajakan ii. Sewa iii. Utiliti
Latihan kakitangan	i. Latihan pra-penggajian berhubung dengan aktiviti yang layak
Yuran bagi perkhidmatan teknologi maklumat dan kewangan	i. Penyediaan dan pemerolehan perkhidmatan yang termasuk konsultansi berhubung dengan reka bentuk, kejuruteraan, teknikal, komersial, kewangan, perundangan, perkhidmatan pengurusan projek atau teknologi maklumat.

Kajian Selidik Menyeluruh (DFS), Rekabentuk Kejuruteraan Front End dan kaji selidik	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kajian Selidik Menyeluruh</li> <li>ii. Pra-Rekabentuk Kejuruteraan <i>Front End</i></li> <li>iii. Kaji selidik tapak</li> <li>iv. Penyediaan atau Penilaian kesan Persekitaran</li> <li>v. Kaji selidik</li> </ul>
Fi pelesenan dan kejuruteraan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Fi pelesenan</li> <li>ii. Fi kejuruteraan</li> </ul>
Faedah semasa pembinaan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Faedah semasa pembinaan bangunan atau kilang</li> </ul>
Premium insuran untuk pekerja, aset dan barang-barang	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Insuran untuk pekerja</li> <li>ii. Insurans untu aset</li> <li>iii. Insurans untuk barang-barang</li> </ul>

13.7 Melalui peruntukan di bawah P.U.(A) 43/2013, potongan bagi perbelanjaan pra-permulaan yang dibenarkan hendaklah dilakukan dalam tempoh empat (4) tahun sebelum tarikh permulaan aktiviti yang layak. Seterusnya di bawah P.U.(A) 183/2015 pindaan kepada P.U.(A) 43/2013, potongan bagi perbelanjaan pra-permulaan yang dibenarkan telah dilanjutkan sehingga 7 (tujuh) tahun sebelum tarikh permulaan aktiviti yang layak.

13.8 Tarikh permulaan aktiviti yang layak, seperti yang dinyatakan dalam perenggan 14.4, hendaklah disifatkan sebagai tarikh aktiviti yang layak itu bermula. Perbelanjaan pra-permulaan yang dilakukan berhubung dengan aktiviti yang layak hendaklah disifatkan sebagai telah dilakukan pada tarikh yang sama dan tidak boleh lebih awal daripada 1 Oktober 2010.

**14. Ringkasan Pindaan**

<b>KU ini menggantikan KU No. 11/2013 bertarikh 18 November 2013 (Edisi Pertama)</b>		
<b>Perenggan di KU No. 11/2013</b>	<b>Perenggan di KU ini</b>	<b>Butiran</b>
2	15	Perenggan 2 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 14.
3	2	Perenggan 3 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 2.
4	3	Perenggan 4 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 3.
5	4	Perenggan 5 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 4 dengan pindaan ayat.
6	5	Perenggan 6 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 5.
7	6	Perenggan 7 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 6.
8	7	Perenggan 8 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 7.
9	8	Perenggan 9 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 8.  Perenggan 8.5 adalah perenggan baharu. Perenggan 8.5 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 8.6.
10	9	Perenggan 10 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 9.
11	10	Perenggan 11 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 10.
12	-	Perenggan 12 sebelum ini digugurkan.
13	11	Perenggan 13 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 11.

14	12	Perenggan 14 sebelum ini dinomborkan semula menjadi perenggan 12.
-	13	Perenggan baharu.
-	14	Perenggan baharu.

**15. Penafian**

Contoh-contoh dalam KU ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

KONSULTASI AWAM